

13/03/1997

PM yakin Myanmar jadi anggota penuh Asean

TOKYO, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Myanmar berkemungkinan besar menyertai Asean sebagai anggota penuh bersama Laos dan Kemboja pada Julai ini.

Beliau berkata demikian kepada akhbar Asahi Shimbun yang menyiarkan wawancara itu hari ini.

Dr Mahathir berkata, kemungkinan adalah besar bahawa Myanmar akan memasuki Asean sebagai anggota penuh Julai ini apabila Menteri Luar Asean berunding di Kuala Lumpur.

Dr Mahathir berkata, Malaysia berharap Myanmar, Laos dan Kemboja akan menyertai Asean `pada tahun ini.'

Tetapi, beliau juga berkata: "Malaysia tidak boleh membuat keputusan mengenai perkara ini secara sendirian."

Dr Mahathir yang akan melawat Jepun lewat bulan ini turut menyuarakan sokongan kepada cadangan mengadakan sidang kemuncak Asean-Jepun.

"Kami berpendapat adalah lebih baik mengadakan rundingan bersama tiga negara Asia Timur (Jepun, China, Korea Selatan).

"Bagaimanapun, jika Jepun berhasrat mengadakan sidang kemuncak tahunan dengan Asean, kami sedia menerima pelan itu," kata Dr Mahathir kepada akhbar berkenaan.

Dr Mahathir juga berkata, `mungkin ada keperluan mengadakan dialog secara berasingan dengan China dan Korea Selatan.'

Sidang kemuncak Asean-Jepun pada mulanya dicadangkan oleh Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto, ketika melakukan lawatan ke beberapa negara anggota Asean, Januari lalu. - AFP

(END)